

LEMBAGA TABUNG HAJI

Semua Ketua Jabatan

Semua Ketua Bahagian

Pengarah *TH* KSA/Konsul Haji

Semua Pengarah *TH* Negeri

Semua Pengurus *TH* Daerah

Semua Pengurus *TH* Mini

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Sri/Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING TABUNG HAJI BIL. 1 TAHUN 2014

POLISI GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN *TH*

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua anggota ***TH*** mengenai Polisi Garis Panduan Perlaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan ***TH*** seperti di **Lampiran 1**.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah ***TH*** Bil. 01/2014 bertarikh 18 Februari 2014 telah bersetuju mengenai Polisi Garis Panduan Perlaksanaan *Integriti Pact* dalam Perolehan ***TH***.
- 2.2 Objektif pengwujudan Polisi Garis Panduan Perlaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan ***TH*** adalah untuk :
 - 2.2.1 Mewujud dan mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat ***TH*** dalam meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampanan dalam perolehan ***TH*** yang dijangka akan mengurangkan dan membasmikan gejala rasuah.
 - 2.2.2 Menyokong inisiatif kerajaan iaitu satu daripada tujuh inisiatif National Key Result Area (NKRA) – Tekad Integriti 1 :

Membendung gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Elemen nilai etika, integriti, akauntabiliti dan ketelusan diperkuuhkan dalam sistem dan prosedur serta proses perolehan.

3.0 PELAKSANAAN POLISI GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN TH

- 3.1 *Integrity Pact* merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan **TH**.
- 3.2 Seterusnya, pembida/orang awam dan anggota **TH** akan menandatangani satu ‘pact’ atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam perlaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku perlanggaran ‘pact’ atau kontrak tersebut.
- 3.3 Tujuan utama *Integrity Pact* dilaksanakan dalam perolehan **TH** adalah seperti berikut:
 - 3.3.1 Mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
 - 3.3.2 Menghendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
 - 3.3.3 Memastikan **TH** tidak menanggung “unnecessary costs” dalam pelaksanaan urusan perolehan.
- 3.4 Pelaksanaan *Integrity Pact* ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan rasuah di kalangan anggota dan pihak-pihak yang berurusan dalam perolehan **TH**.
- 3.5. Seterusnya dapat menghapuskan kesalahan-kesalahan rasuah yang biasa berlaku dalam perolehan **TH**, antaranya seperti berikut:
 - 3.5.1 Pemberian dan penerimaan suapan (kickback/bribery/corrupt) antara anggota dengan kontraktor dalam pelbagai bentuk i.e. wang, hadiah, derma, diskaun, bonus, pekerjaan dan

sebagainya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];

- 3.5.2 Penyalahgunaan kuasa yang melibatkan konflik kepentingan anggota berhubung pemilihan syarikat pembekal, perkhidmatan, pembinaan dan perunding di mana penjawat awam mempunyai kepentingan. Perincian konflik kepentingan adalah di **Lampiran 2A dan 2B**.
- 3.5.3 Tuntutan atau perakuan palsu melibatkan syarikat dan anggota;
- 3.5.4 Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan; dan
- 3.5.5 Persubahatan antara anggota dan kontraktor.

4.0 PERINGKAT PERLAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN TH

- 4.1 Peringkat perlaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan **TH** adalah seperti berikut :


Bil	Peringkat Perlaksanaan	Perincian
1.	Anggota TH	Semua anggota TH terlibat perolehan
2.	Jawatankuasa berkaitan perolehan	a. Jawatankuasa Spesifikasi b. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga c. Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan/atau Kewangan d. Jawatankuasa Rundingan Harga e. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan
3.	Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan/Pelulus	a. Ahli Lembaga Pengarah b. Panel Pelaburan c. Lembaga Tender d. Jawatankuasa Tender e. Jawatankuasa Sebutharga f. Lain-lain jawatankuasa seumpamanya
4.	Pembida	a. Petender b. Penyebutharga
5.	Perunding	Perunding yang dilantik

5.0 PENGUATKUASAAN


- 5.1 Polisi Garis Panduan Perlaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan **TH** diharap dapat membantu anggota dalam memastikan semua perolehan **TH** dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelak berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa.
- 5.2 Polisi ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


DATUK PADUKA ISMEE ISMAIL
Pengarah Urusan Kumpulan
Dan Ketua Pegawai Eksekutif
LEMBAGA TABUNG HAJI

Tarikh :


23/14

Rujukan : INT429/456/1 (7)

s.k.

Pengerusi
LEMBAGA TABUNG HAJI

Ketua Pegawai Operasi
LEMBAGA TABUNG HAJI

Ketua Audit Negara
(Seksyen Badan-Badan Berkanun),
Lantai 16, Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak,
50400 KUALA LUMPUR.

Presiden KESAKTI,
Lantai 23, Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak,
50400 KUALA LUMPUR.

LAMPIRAN 1



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*
DALAM PEROLEHAN TABUNG HAJI**

**KELUARAN
BAHAGIAN INTEGRITI
TAHUN 2014**

No. Tel: 03 2054 3318

No. Faks: 03 2161 1443

PENDAHULUAN

Buku ini memberi panduan dalam melaksanakan *Integrity Pact* dalam perolehan Lembaga Tabung Haji (**TH**). Ia menjelaskan pelbagai peringkat dalam proses perolehan di mana *Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh **TH** dan pihak-pihak yang berkaitan.

Pelaksanaan *Integrity Pact* merupakan salah satu inisiatif utama **TH** untuk mewujud dan mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat **TH** dalam meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampunan dalam perolehan **TH** yang dijangka akan mengurangkan dan membasmi gejala rasuah. Adalah diharapkan juga dengan usaha ini, **TH** boleh melaksanakan urusan perolehan dengan lebih cekap. Dalam menggubal garis panduan ini, peraturan dan prosedur perolehan **TH** semasa telah diambil kira.

LEMBAGA TABUNG HAJI MALAYSIA

MAC 2014

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Latar Belakang Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan Tabung Haji (TH)	1
2.	Peringkat Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Anggota TH Yang Terlibat Dalam Perolehan TH	3
3.	Peringkat Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan TH	6
4.	Peringkat Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Ahli Lembaga /Jawatankuasa Perolehan TH	10
5.	Peringkat Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Pembida	14
6.	Peringkat Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Pelantikan Perunding	19

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Akuan Oleh Anggota Yang Terlibat Dalam Perolehan	5
B	Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	8
C	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	9
D	Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan	12
E	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan	13
F	Surat Akuan Pembida	16
G	Surat Akuan Pembida Berjaya	17
H	Klausula Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Tabung Haji (TH)	18
I	Surat Akuan Kepentingan Perunding	21
J	Surat Akuan Perunding Yang Dilantik	22

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN TABUNG HAJI

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Tabung Haji (**TH**) merupakan salah satu inisiatif untuk mewujud dan mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat **TH** dalam meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampuan untuk melindungi dan memaksimumkan pihak berkepentingan.

2. Secara ringkasnya *Integrity Pact* merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan **TH**. Seterusnya, pembida /orang awam dan anggota **TH** akan menandatangani satu ‘pact’ atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran ‘pact’ atau kontrak tersebut.

3. Tujuan utama Integrity Pact dilaksanakan dalam perolehan **TH** adalah seperti berikut:

- 3.1 Mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
- 3.2 Menghendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- 3.3 Memastikan **TH** tidak menanggung “unnecessary costs” dalam pelaksanaan urusan perolehan.

4. Pelaksanaan *Integrity Pact* ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan rasuah di kalangan anggota dan pihak-pihak yang berurusan dalam perolehan **TH**.

5. Seterusnya dapat menghapuskan kesalahan-kesalahan rasuah yang biasa berlaku dalam perolehan **TH**, antaranya seperti berikut:

- 5.1 Pemberian dan penerimaan suapan (kickback/bribery/corrupt) antara anggota dengan kontraktor dalam pelbagai bentuk i.e. wang, hadiah, derma, diskaun, bonus, pekerjaan dan sebagainya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- 5.2 Penyalahgunaan kuasa yang melibatkan konflik kepentingan anggota berhubung pemilihan syarikat pembekal, perkhidmatan, pembinaan dan perunding di mana penjawat awam mempunyai kepentingan;
- 5.3 Tuntutan atau perakuan palsu melibatkan syarikat dan anggota;
- 5.4 Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan; dan
- 5.5 Persubahatan antara anggota dan kontraktor.

5. Pelaksanaan *Integrity Pact* menghendaki Klausus Peringatan Kesalahan Rasuah dalam Surat Setuju Terima dan Dokumen Tender.

6. Garis Panduan ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimana konsep *Integrity Pact* ini boleh diperluaskan lagi untuk merangkumi pelbagai peringkat dalam proses perolehan **TH**. Elemen integriti juga diterapkan dalam proses pendaftaran syarikat bagi bekalan dan perkhidmatan dengan mewajibkan pengisytiharan oleh syarikat berkaitan kesalahan rasuah.

7. Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam proses-proses perolehan yang lain seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan ini hendaklah dilaksanakan oleh semua Jabatan/Bahagian.

PERINGKAT PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI ANGGOTA*

YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN *TH*

Peringkat 1

Semasa Melapor Diri Untuk Bertugas

Peringkat 2

Pengisytiharan Setiap Tahun

*Anggota merujuk kepada anggota Tabung Haji yang terlibat dalam proses perolehan ***TH*** di Bahagian / Jabatan seperti berikut:

- i. Bahagian Perolehan
- ii. Bahagian Hartanah
- iii. Bahagian Kewangan
- iv. Jabatan Perkhidmatan Kewangan Korporat
- v. Jabatan Teknologi Maklumat
- vi. Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Perolehan
- vii. Mana-mana Bahagian/ Jabatan/ Pejabat Cawangan yang terlibat dalam perolehan

PROSES KERJA *INTEGRITY PACT* BAGI ANGGOTA* YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN TABUNG HAJI

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	<p>Setiap anggota yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan TH hendaklah menandatangani Surat Akuan oleh Anggota Yang Terlibat Dalam Perolehan TH seperti di LAMPIRAN A. Akuan ini hendaklah dibuat apabila anggota melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Surat akuan tersebut hendaklah disimpan di dalam fail peribadi anggota.</p> <p>Setiap Ketua Bahagian/Jabatan/Pejabat Cawangan hendaklah memastikan semua anggota dan kakitangannya menandatangani Surat Akuan Oleh Anggota Yang Terlibat Dalam Perolehan TH sebelum memulakan tugas atau terlibat dalam sebarang urusan perolehan.</p>
2	Setiap Ketua Bahagian/Jabatan/Pejabat Cawangan hendaklah memastikan semua anggota dan kakitangan memperbaharui Akuan mereka setiap tahun.

*Anggota merujuk kepada anggota **TH** yang terlibat dalam proses perolehan **TH** di Bahagian/Jabatan/Pejabat Cawangan berikut:

- i. Bahagian Perolehan
- ii. Bahagian Hartanah
- iii. Bahagian Kewangan
- iv. Jabatan Perkhidmatan Kewangan Korporat
- v. Jabatan Teknologi Maklumat
- vi. Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Perolehan
- vii. Mana-mana Bahagian/ Jabatan/ Pejabat Cawangan yang terlibat dalam perolehan

LAMPIRAN A

**SURAT AKUAN OLEH ANGGOTA YANG TERLIBAT DALAM
PEROLEHAN**

Saya,.....No.Kad Pengenalan.....

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan **TH**;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjelaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan **TH** kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya akan mengisyiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010.

Nama :.....	Disaksikan oleh* :.....
No.KP :.....	No.KP :.....
Tandatangan :.....	Tandatangan :.....
Jawatan :.....	Jawatan :.....
Tarikh :.....	Tarikh :.....

*Disaksikan oleh Ketua Jabatan/ Pejabat Cawangan

**PERINGKAT PELAKSANAAN
*INTEGRITY PACT BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN
PEROLEHAN****

Peringkat 1

**Semasa pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa
Berkaitan Perolehan**

Peringkat 2

Apabila selesai sesuatu tugas

*Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Spesifikasi
- ii. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
- iii. Jawatankuasa Penilaian - Teknikal dan/atau Kewangan
- iv. Jawatankuasa Rundingan Harga
- v. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan **TH**

**PROSES KERJA PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI
AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN***

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Setiap individu yang dilantik kepada mana-mana Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan seperti di LAMPIRAN B . Sesalinan Akuan tersebut akan disimpan oleh Urus Setia di dalam fail berkaitan.
2	Setiap Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan setelah menamatkan tugas seperti di LAMPIRAN C . Akuan ini hendaklah dikepulkan bersama laporan berkaitan dan difailkan.

*Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Spesifikasi
- ii. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
- iii. Jawatankuasa Penilaian - Teknikal dan/atau Kewangan
- iv. Jawatankuasa Rundingan Harga
- v. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan

LAMPIRAN B

**SURAT AKUAN PELANTIKAN
AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN***

Saya,No.Kad Pengenalan.....

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam tender/sebut harga (.....**tajuk dan no. rujukan tender/sebutharga**.....)
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak sehingga boleh menjelaskan ketelusan dan keadilan semasa proses perolehan;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan **TH** kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya seperti termaktub dalam Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan-Tata tertib Tabung Haji 2010.

Nama :.....
No. KP :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Tarikh :.....

*Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Spesifikasi
- ii. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
- iii. Jawatankuasa Penilaian - Teknikal dan/atau Kewangan
- iv. Jawatankuasa Rundingan Harga
- v. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan

LAMPIRAN C

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS
AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN***

Saya,No.Kad Pengenalan.....

dari(Bahagian/Jabatan/pejabat Cawangan)..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli (.....**Nama Jawatankuasa, Tajuk Tender/Sebut Harga**.....) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya seperti termaktub dalam Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010.

Nama :.....
No.Kad Pengenalan :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Jabatan/Bahagian :.....
Tarikh :.....

*Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Spesifikasi
- ii. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
- iii. Jawatankuasa Penilaian - Teknikal dan/atau Kewangan
- iv. Jawatankuasa Rundingan Harga
- v. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan

**PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*
BAGI AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN***

Peringkat 1

**Semasa Pelantikan Sebagai Ahli
Lembaga/Jawatankuasa Perolehan**

Peringkat 2

**Setiap kali Mesyuarat Lembaga/Jawatankuasa
Perolehan bersidang**

* Lembaga/Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- i. Lembaga Pengarah
- ii. Panel Pelaburan
- iii. Lembaga Tender
- iv. Jawatankuasa Tender
- v. Jawatankuasa Sebut Harga
- vi. Lain-lain Lembaga/jawatankuasa seumpamanya

**PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI
AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN ***

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Setiap individu yang dilantik sebagai Ahli/Ahli Ganti Lembaga/Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan seperti di LAMPIRAN D . Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Perolehan.
2	Setiap Ahli/Ahli Ganti Lembaga/Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan seperti di LAMPIRAN E pada setiap mesyuarat setelah selesai melaksanakan tugas. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Perolehan.

* Lembaga/Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- i. Lembaga Pengarah
- ii. Panel Pelaburan
- iii. Lembaga Tender
- iv. Jawatankuasa Tender
- v. Jawatankuasa Sebut Harga
- vi. Lain-lain Lembaga/jawatankuasa seumpamanya

LAMPIRAN D

SURAT AKUAN AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN*

Saya,No.Kad Pengenalan.....

dari adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Ahli (**.....Nama Lembaga/Jawatankuasa Perolehan.....**);
- ii. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;
- iii. Saya akan mengisyiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
- iv. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- v. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan **TH** kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Tandatangan :
Jawatan :
Jabatan/Bahagian :
Tarikh :

* Lembaga/Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- i. Lembaga Pengarah
- ii. Panel Pelaburan
- iii. Lembaga Tender
- iv. Jawatankuasa Tender
- v. Jawatankuasa Sebut Harga
- vi. Lain-lain Lembaga/jawatankuasa seumpamanya

LAMPIRAN E

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS
AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN***

Saya,No.Kad Pengenalan.....

dari adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli (.....**Nama Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan**.....) (.....**Bilangan Mesyuarat/Tahun**....) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya seperti termaktub dalam Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar mana-mana terma/klausu surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010.

Nama	:
No. Kad Pengenalan	:
Tandatangan	:
Jawatan	:
Jabatan/Bahagian	:
Tarikh	:

* Lembaga/Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- i. Lembaga Pengarah
- ii. Panel Pelaburan
- iii. Lembaga Tender
- iv. Jawatankuasa Tender
- v. Jawatankuasa Sebut Harga
- vi. Lain-lain Lembaga/jawatankuasa seumpamanya

PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEMBIDA*

Peringkat 1	Semasa pembelian/pengambilan dokumen tender/sebut harga
Peringkat 2	Semasa penyerahan dokumen tender/sebut harga oleh pembida
Peringkat 3	Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima kepada pembida berjaya
Peringkat 4	Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida berjaya
Peringkat 5	Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida Berjaya dan Agensi

*Pembida merujuk kepada:

- i. Petender
- ii. Penyebut Harga

PROSES KERJA PELAKSANAAN **INTEGRITY PACT** BAGI PEMBIDA*

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Setiap Bahagian/Jabatan/ Pejabat Cawangan hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida disertakan bersama dokumen tender/sebut harga yang diedarkan kepada pembida. Sesalinan Surat Akuan Pembida seperti di LAMPIRAN F .
2	Apabila menghantar dokumen tender/sebut harga setiap pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkhan bersama dokumen tender/sebut harga.
3	Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembida yang berjaya, TH hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di LAMPIRAN G .
4	Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap ,ditandatangani serta dikepilkhan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada TH .
5	TH hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di LAMPIRAN H dimasukkan dalam semua dokumen kontrak.

*Pembida merujuk kepada:

- i. Petender
- ii. Penyebut Harga

LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA

(.....**Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/ Sebut Harga.....**)

Saya,..... **(Nama Wakil Syarikat)**.....nombor K.P.....
yang mewakili **(Nama Syarikat)**.....nombor Pendaftaran
.....**(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)**.....dengan ini mengisyiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam**(Lembaga Tabung Haji)**..... atau
mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti
di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam(Lembaga Tabung
Haji)..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut
harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Lembaga Tabung
Haji yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
(.....)

Saya,..... (**Nama Wakil Syarikat**)..... nombor K.P.....
yang mewakili..... (**Nama Syarikat**)..... nombor
Pendaftaran..... (**MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB**)..... dengan ini mengisyiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (**Lembaga Tabung Haji**).....
atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga*
seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam(Lembaga Tabung
Haji)..... atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut
harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Lembaga Tabung
Haji yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan
tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

**KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN
PEROLEHAN TABUNG HAJI**

"Penamatan mengenai rasuah , aktiviti menyalahi undang-undang atau tidak sah"

- (a) Tanpa menjaskan apa-apa hak lain Lembaga Tabung Haji, jika [syarikat/firma], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah undang-undang bagi rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau menyalahi undang-undang berhubung dengan [perjanjian/kontrak] ini atau mana-mana perjanjian yang [syarikat/firma] itu mungkin ada dengan Lembaga Tabung Haji, yang Lembaga Tabung Haji berhak untuk menamatkan [perjanjian/kontrak] ini pada bila-bila, dengan memberi notis bertulis serta merta bagi maksud itu kepada [syarikat/firma].
- (b) Jika penamatan berlaku, Lembaga Tabung Haji berhak untuk mendapat balik semua kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang dilakukan oleh Lembaga Tabung Haji yang timbul daripada penamatan tersebut.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa [syarikat /firma] tidak layak menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, kerosakan, tuntutan atau apa jua selepas penamatan [perjanjian/kontrak] ini.

**PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*
BAGI PELANTIKAN PERUNDING**

Peringkat 1 Semasa pengeluaran Surat Niat (sekiranya ada)

Peringkat 2 Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima

**PROSES KERJA PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*
BAGI PELANTIKAN PERUNDING**

PERINGKAT	PROSES KERJA
1	Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding disertakan bersama Surat Niat diserahkan kepada Perunding. Surat Akuan Kepentingan Perunding seperti di LAMPIRAN I.
2	Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding ditandatangani dan dikembalikan kepada Agensi berkaitan sebelum apa-apa rundingan dimulakan.
3	Setiap Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik disertakan bersama Surat Setuju Terima yang dikeluarkan kepada Perunding. Sesalinan memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik seperti di LAMPIRAN J.
4	Setiap Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di LAMPIRAN H dimasukkan dalam semua dokumen kontrak perunding.
5	Setiap perunding yang dilantik hendaklah menandatangani dokumen kontrak perunding yang mengandungi Klausa Pencegahan Rasuah.

SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING

(Disertakan Bersama Cadangan Perunding)

Saya,..... (**Nama pemilik**).....No. Kad Pengenalan/No. Pasport..... selaku pemilik.....(**NamaFirma**).....dengan nombor Pendaftaran(**MOF/ROS/ROC/ROB**)..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah atau menggunakan pengaruh kepada mana-mana individu dalam(**Lembaga Tabung Haji**)..... atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

Yang Benar,

Nama :
No.Kad Pengenalan/No. Pasport :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan: * Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Niat

SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK

(Disertakan Bersama Surat Setuju Terima)

Saya,..... (**Nama Pemilik**).....No.KadPengenalan/No.Pasport..... selaku pemilik..... (**Nama Firma**).....nomborPendaftaran..... (**MOF/ROS/ROC/ROB**)....dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah/sogokan kepada mana-mana individu dalam(**Lembaga Tabung Haji**).... atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapat tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan memberi/menawarkan rasuah sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam(**Lembaga Tabung Haji**)..... atau mana-mana individu lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik Surat Setuju Terima; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perkhidmatan perunding selaras dengan peruntukan dalam kontrak; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Lembaga Tabung Haji yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

Yang Benar,

.....
Nama :
No.Kad Pengenalan/No. Pasport :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan: * Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Setuju Terima

LAMPIRAN 2A & 2B

PENYALAHGUNAAN KUASA MELIBATKAN KONFLIK KEPENTINGAN

1. Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] menyatakan bahawa :

Tafsiran :

"Badan awam" termasuklah :

- (a) Kerajaan Malaysia;
- (b) Kerajaan sesuatu Negeri;
- (c) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;
- (d) Mana-mana jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Malaysia, kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan;
- (e) Mana-mana pertubuhan yang didaftarkan dibawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1996 [Akta 335]
- (f) mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan dibawah seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966;
- (g) mana-mana badan sukan yang didaftarkan dibawah seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];
- (h) mana-mana koperasi yang didaftarkan dibawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993 [Akta 502];
- (i) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan dibawah seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262];
- (j) mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668];
- (k) mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) atau (j) mempunyai kawalan atau kepentingan ; atau
- (l) mana-mana pertubuhan , kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam warta ;

2. **"Pegawai badan awam"** ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam,

- dan, jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu;
3. Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] menyatakan bahawa :

Kesalahan Menggunakan Jawatan atau Kedudukan untuk Suapan

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

4. Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] menyatakan bahawa :

“Saudara” berhubungan dengan seseorang , ertinya :

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan ‘b’
- (g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu;
- (h) menantu orang itu

“sekutu”, berhubungan dengan seseorang, ertinya :

- (a) Mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu ;
- (b) Mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;

- (c) Mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal yang mempunyai kepentingan mengawal dalam perniagaannya atau hal ehwalnya;
- (d) Mana-mana perbadanan mengikut Akta Syarikat 1965 yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya yang dalamnya orang itu bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya mempunyai kepentingan mengawal atau syer yang nilai tidak kurang daripada 30% dari modal terbitan; atau
- (e) Pemegang amanah mana-mana amanah jika ;
 - (i) Amanah itu telah diwujudkan orang itu; atau
 - (ii) Nilai keseluruhan aset disumbang orang itu tidak kurang 20% dari seluruh aset

PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM TRANSAKSI DENGAN LEMBAGA

1. Seksyen 9, Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] menyatakan bahawa :

Pendedahan Kepentingan dalam Transaksi dengan Lembaga

- (1) Mana-mana anggota Lembaga yang mempunyai atau memperolehi, secara langsung atau tidak langsung, sendiri atau melalui pekongsinya atau ejennya :
 - (a) apa-apa syer atau kepentingan :
 - (i) dalam apa-apa kontrak yang dibuat dengan Lembaga;
 - (ii) dalam apa-apa kerja yang dilakukan untuk Lembaga; atau
 - (iii) dalam mana-mana syarikat atau firma yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat kontrak berkenaan dengan apa-apa pengusahaan; atau
 - (b) apa-apa kepentingan benefisial mengenai Tanah yang dicadangkan hendak diperolehi, dibeli, dipajakkan atau diurusniagakan selainnya oleh lembaga, yang diketahuinya akan tersentuh atau mungkin akan tersentuh oleh mana-mana projek, skim atau pengusahaan yang diluluskan atau dicadangkan hendak diluluskan oleh Lembaga,

Hendaklah mengisyiharkan jenis dan takat syer atau kepentingannya kepada Lembaga.

- (2) Perisyiharan yang dikehendaki dibuat oleh seseorang anggota di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat –
 - (a) pada mesyuarat Lembaga dimana apa-apa soal berhubungan dengan kontrak, pemerolehan, pembelian, pemajakan, urusniaga, projek atau skim yang disebut dalam subseksyen itu mula-mula dipertimbangkan;
 - (b) jika anggota itu tidak mempunyai apa-apa syer atau kepentingan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a) pada tarikh mesyuarat yang tersebut dalam perenggan itu, pada mesyuarat sedemikian yang berikutnya yang diadakan selepas dia memperolehi syer atau kepentingan itu; atau

- (c) jika seseorang anggota memperoleh apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak dengan Lembaga selepas kontrak itu dibuat, pada mesyuarat yang pertama yang diadakan selepas anggota itu memperolehi syer atau kepentingan itu.
- (3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, notis am yang diberikan kepada anggota-anggota lain oleh seseorang anggota yang bermaksud bahawa dia ialah pemegang syer atau pengarah mana-mana syarikat atau firma yang tertentu dan hendaklah dikira mempunyai kepentingan dalam apa-apa kontrak yang mungkin, selepas tarikh notis itu, dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma itu, hendaklah disifatkan sebagai perisyiharan yang mencukupi tentang kepentingan berhubungan dengan apa-apa kontrak yang dibuat sedemikian.
- (4) Notis yang diberikan dibawah subseksyen (3) tidaklah mempunyai kuatkuasa melainkan jika diberikan pada mesyuarat Lembaga atau anggota yang berkenaan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa notis itu dikemukakan dan dibaca pada mesyuarat Lembaga yang berikutnya selepas notis itu diberikan.
- (5) Tiap-tiap perisyiharan yang dibuat menurut seksyen ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang padanya perisyiharan itu dibuat atau dibaca.
- (6) Tiada seorang pun anggota Lembaga boleh mengundi atas apa-apa ketetapan atau soal yang berhubungan dengan apa-apa kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urusniaga, projek atau skim yang mengenainya dia mempunyai apa-apa syer atau kepentingan, sama ada atau tidak dia sudah mengisyiharkan syer atau kepentingannya, atau mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan (kecuali atas undangan Lembaga) atau keputusan yang berhubungan dengannya atau apa-apa perkara yang bersampingan dengannya dan jika dia berbuat demikian -
- (a) undinya tidak boleh dikira; dan
- (b) dia tidak boleh dikira dalam kuorum yang hadir pada mesyuarat bagi maksud ketetapan atau soal itu.